

Moratorium dan pengurusan kewangan norma baharu dalam menginspirasi dan mendidik kepimpinan komuniti pendidikan tinggi

ABSTRAK

Dalam menempuh era pandemik Covid-19 di Malaysia pada hari ini, pelbagai cabaran terpaksa diharungi oleh rakyat dalam meneruskan kehidupan mengikut norma baharu. Cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh setiap individu adalah kehilangan sumber pendapatan yang disebabkan kehilangan pekerjaan. Tidak terkecuali pihak kerajaan yang menghadapi tekanan dalam menguruskan ekonomi bagi membantu rakyat dalam meneruskan kehidupan. Realiti yang terjadi pada masa kini kebanyakan dari individu yang kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba telah membawa mereka terjebak dalam permasalahan kewangan yang menghimpit diri dan keluarga. Permasalahan ini berlaku adalah disebabkan mereka tidak pernah melakukan perancangan dalam menguruskan kewangan yang mana perkara ini dipandang tidak penting sebelum ini. Kepentingan adanya ilmu pengurusan kewangan dalam diri dapat membawa perubahan kearah kesejahteraan kewangan individu bagi mencapai setiap matlamat hidup. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan bagaimana bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui moratorium serta pelbagai alternatif perancangan pengurusan kewangan yang cekap dapat membantu rakyat berhadapan dengan kehidupan norma baharu bagi menginspirasi dan mendidik kepimpinan komuniti pendidikan tinggi sebagai persediaan diri sebelum menempuh dunia pekerjaan. Krisis pandemik yang berlaku pada waktu ini telah menuntut kebijaksanaan dalam setiap diri individu supaya melakukan pengurusan kewangan dan tidak terburu-buru dalam membuat keputusan berkaitan isu kewangan.